

Karya Kreatif

RODA-RODA KEHIDUPAN

Oleh

SITI NORHALIMAH SAROHMAN
Fakulti Kulineri Tahap 2,
Kolej Yayasan FELDA Pahang,
Mempaga 1, 26800 Bentong, Pahang

emerald119114@gmail.com

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

ZHARIF ialah seorang anak yatim piatu yang tinggal bersama ibu saudara dan sepupu-sepupunya. Dia telah kehilangan semangat untuk belajar sejak ibu dan ayahnya meninggal dunia. Ketika tinggal di rumah ibu saudaranya, Puan Akira, dia selalu dibandingkan dengan sepupunya yang rajin belajar dan sentiasa mendapat keputusan cemerlang setiap kali peperiksaan.

“Kau ni kenapa bodoh sangat? Tengok anak aku si Adnan dengan Rafiq ni selalu dapat naik pentas ambil hadiah.”

Hampir setiap hari Zharif perlu mendengar hinaan dan cacian daripada Puan Akira dan anak-anaknya. Sudah lali telinganya mendengarkan perkataan kesat yang keluar daripada bibir mereka.

Di dalam bilik, Zharif duduk bersandar di atas katil sambil merenung ke arah jendela. Pada saat ini, dia betul-betul terluka dan kehilangan motivasi untuk berjaya dalam pelajaran.

“Kalau Mama dengan Papa masih ada mesti hidup Abang tak macam ni, kan?”

“Kenapalah Mak Ngah dengan anak-anak dia tu suka sangat menghina aku?”

Keesokan harinya, Zharif tiba di sekolah dalam keadaan yang murung tidak seperti biasanya. Sebelum ini, walaupun dia sedih tapi tetap melemparkan senyuman kepada rakan-rakan dan para guru di sekolah. Riak wajahnya yang muram dan tidak mahu bergaul dengan rakan-rakan telah sampai ke pengetahuan salah seorang gurunya. Guru yang mesra dipanggil Cikgu Zakaria itu segera mendapatkan Zharif kerana sangat merisaukan anak murid kesayangannya itu.

“Zharif, kenapa dengan awak ni? Cikgu dengar awak tak nak bergaul dan murung saja dalam kelas selama sehari-hari. Cuba cerita.” Tanya Cikgu Zakaria kepada Zharif. Zharif pun mula menceritakan semua perkara yang telah dihadapinya ketika di rumah. Termasuklah kisah dirinya yang sudah kehilangan motivasi dan inspirasi untuk belajar kerana sering dibandingkan, dihina dan dicaci oleh ibu saudara serta sepupunya.

Usai bercerita, Cikgu Zakaria pun memberikan nasihat mengikut pengalaman hidupnya.

“Zharif, cikgu nak awak cuba berhenti memikirkan masalah tu. Tetaplah bertenang kerana kalau awak selalu fikirkan masalah, maka masalah tu tak akan pernah selesai.”

Zharif mula kebingungan kerana tidak faham maksud daripada butir bicara gurunya.

“Haa? Maksudnya?”

“Maksudnya begini. Kalau awak selalu sangat fikirkan tentang masalah tu nanti awak akan tertekan. Masalah yang awak hadapi pun tidak akan pernah selesai. Jadi, cikgu nak Zharif fikirkan jalan penyelesaiannya sahaja,” jawab Cikgu Zakaria seraya tersenyum simpul. 65

Zharif pun menjatuhkan kepalanya berkali-kali tanda faham. “Saya dah faham. Terima kasih cikgu.”

“Sama-sama.” Kata Cikgu Zakaria. Beberapa minit setelah itu, figura lelaki yang berbaju kemeja putih, bertali leher biru dan berseluar *slack* hitam itu hilang daripada pandangan mata.

Setibanya Zharif di rumah, dia mula mempraktikkan apa yang diajarkan gurunya ketika di sekolah tadi. Dia berhenti memikirkan tentang perkataan kesat yang sentiasa keluar daripada bibir Puan Akira, Adnan dan Rafiq yang hanya ingin menjatuhkan dirinya.

Hari peperiksaan kian menjelang, Zharif kini dengan semangat barunya yang berkobar-kobar untuk mengalahkan keputusan sepupu-sepupunya. Seminggu sebelum hari peperiksaan tiba, dia sudah membuat persiapan dengan rajin hadir di kelas-kelas tuisyen, belajar selepas subuh dan pada waktu malam.

Julung kalinya, dia mengikuti kumpulan kecil untuk mengulangkaji bersama rakan-rakan sekelasnya. Saat ini, yang dia fikirkan hanyalah lulus.

Lulus dalam peperiksaan!

“Wah, baguslah Zharif! Sekarang ni dia rajin betul belajar.” Kata salah seorang rakan sekelasnya.

“Mestilah kena rajin dia kan nak kalahkan sepupu-sepupu dia yang berlagak tu.”

“Aku yakin kali ni mesti Zharif dapat kalahkan ‘*Duo Kerek*’ tu.”

Semangat dan motivasi Zharif semakin tinggi kerana sokongan padu daripada para guru dan juga sahabat-sahabatnya. Peperiksaan pun berakhir, keputusan cemerlang memihak kepada Zharif. Ibu saudaranya juga sepupu-sepupunya kecewa.

“Alaa. Nasib baik aje tu. Ini baru percubaan. Kita tengok SPM nanti.” Kata Puan Akira kepada Zharif.

“Betul tu. Ni mesti kau meniru kan.” Kata Rafiq. Manakala Adnan pula hanya pegun berdiri dan mendinginkan diri.

“Biarkan aje diorang tu Zhaf. Cemburu lah tu.” Bisik lelaki bernama Farizki itu ke telinga Zharif.

“Tahniah Zharif! Cikgu bangga dengan perubahan awak dalam masa yang singkat. Lepas ni usaha untuk SPM sebenar pula tau.” Ucap Cikgu Zakaria.

Hari ini, bibir Zharif tidak lekang dengan senyuman dari sekolah ke rumah.

“Papa, mama, abang dapat kalahkan anak-anak mak ngah dalam percubaan SPM hari ni...” kata Zharif seraya menggenggam gambar berukuran passport milik Mama dan Papanya. Tanpa sedar air matanya mula mengalir membasahi pipi tanda gembira.

“Abang akan pastikan SPM nanti abang menang lagi.”

Suasana tegang di dalam dewan peperiksaan SMK Taman Sentosa kian terasa. Semua pelajar yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia sudah bersiap sedia untuk bertempur. Begitu juga Zharif dan sepupunya, Rafiq. Mereka duduk bersebelahan.

“Kau tunggulah Zharif. Aku akan pastikan keputusan SPM aku lagi hebat daripada kau punya nanti.” Kata Rafiq kepada Zharif.

“Okey. *Just wait and see.*” Jawab Zharif ringkas.

Setelah sebulan menunggu keputusan, sekali lagi keputusan cemerlang memihak kepada Zharif dan mengalahkan Rafiq.

“Hmmm. Apa ni? Macammana kau boleh dapat semua A? A *plus* pula tu?” tanya Rafiq dengan riak muka dan suara yang tidak puas hati.

“Aku tak buat apa-apa pun. Cuma ubah pemikiran aje,” jawab Zharif sambil tersenyum senget.

Hatinya kini melonjak gembira, Jika diikutkan hati ingin saja dia melompat dan beritahu satu dunia bahawa dia sudah berjaya mengalahkan orang yang selalu menghina serta menjatuhkan dirinya.

Zharif tidak melupakan jasa gurunya, iaitu Cikgu Zakaria kerana telah memberikannya nasihat ringkas tapi bermakna dan berkesan. Sepulangnya dari sekolah, dia membelikan makanan kesukaan cikgunya itu sebagai tanda membalas jasa. Riang hatinya mengayuh basikal setelah membeli makanan tersebut sehingga tiba di rumah Cikgu Zakaria.

Tok tok tok!

Zharif mengetuk pintu dan memberi salam. Setelah salam ketiga dilaungkan, barulah pintu dibuka.

Kelihatan seorang wanita berkain batik dan berbaju kurung turun daripada tangga rumah dan menjawab salam. Wanita itu ialah Puan Maria iaitu isteri kepada Cikgu Zakaria.

“Walaikumussalam. Cikgu ada di atas. Naiklah.” Ajak Puan Maria.

“Eh, tak apalah. Saya nak bagi makanan ini sebagai tanda terima kasih sebab bagi nasihat hingga saya cemerlang dalam SPM.”

Ditengah-tengah perbualan yang rancak, Cikgu Zakaria munculkan diri dan memanggil Zharif untuk naik. Zharif pun menaiki anak tangga untuk masuk ke dalam rumah tradisional tersebut. Zharif melabuhkan punggungnya di atas kerusi kayu. Mereka pun memulakan perbualan singkat.

“Kalau ikutkan hati saya tak nak terima makanan yang awak bagi ni. Sebab memberi didikan dan nasihat kepada awak itu adalah sebuah tanggungjawab kepada setiap guru. Saya hanya nak tengok awak berjaya sebelum menutup mata.”

“Saya tak akan pernah melupakan jasa cikgu kepada saya,” kata Zharif kepada Cikgu Zakaria. Mereka berjabat tangan sebelum Zharif meminta diri untuk pulang ke rumah.

Seminggu kemudian...

Posmen datang ke rumah dan menghantar banyak surat tawaran belajar kepada Zharif dan Rafiq. Semua penghuni rumah tersebut dikejutkan dengan tawaran belajar yang Zharif dapat.

Rafiq dan Puan Akira adalah salah seorang yang paling tidak sangka dengan Zharif yang dapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke Jerman dengan jurusan penerbangan dan aeroangkasa di Technische Hogeschool Delft dengan biasiswa penuh termasuk kos sara hidup yang ditanggung oleh pihak kerajaan.

Adnan yang berada di situ menyembunyikan wajahnya yang juga tidak sangka dengan tawaran tersebut. Dia mengucapkan tahniah kepada Zharif dengan senyuman yang ikhlas.

Rafiq hanya mendapatkan tawaran belajar di kolej swasta dan universiti tempatan. Zharif berasa sangat gembira. Hal ini telah sampai ke pengetahuan sahabat-sahabatnya termasuklah Cikgu Zakaria dan gurunya yang lain. Semua orang bangga dengan Zharif.

Zharif yang dulunya seorang yang kurang dalam pelajaran, tidak pernah dapat keputusan yang cemerlang setiap kali peperiksaan. Dia juga pernah kehilangan semangat dan motivasi untuk belajar. Kini, dia sudah menjadi suri teladan kepada para pelajar di sekolahnya.

Hidup ini umpama putaran roda. Terkadang berada di atas dan terkadang berada di bawah. Jadi, ketika kita berada di atas usahlah sombong kerana kita tidak pernah tahu waktu bila kita akan berada di bawah.

*Usahlah kita
meninggi diri.
Hiduplah seperti
'Resmi padi, semakin
menunduk, semakin
berisi'. Bukan
seperti lalang.
Semakin tinggi,
semakin
menyusahkan.
Sentiasalah kita
ingat kepada roda-
roda kehidupan.*